



1 November 2023
1 November 2023
P.U. (A) 330

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(PENENTUAN PEKERJA BERPENGETAHUAN
DAN AKTIVITI YANG LAYAK
DALAM WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR) 2023

*INCOME TAX (DETERMINATION OF KNOWLEDGE
WORKER AND QUALIFYING ACTIVITY IN
THE EAST COAST ECONOMIC REGION) RULES 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PENENTUAN PEKERJA BERPENGETAHUAN
DAN AKTIVITI YANG LAYAK DALAM WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(f) dibaca bersama perenggan 2 Bahagian XIV Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penentuan Pekerja Berpengetahuan dan Aktiviti yang Layak dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur) 2023**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2022.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“aktiviti yang layak” ertinya apa-apa aktiviti perniagaan yang dijalankan dalam Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan;

“Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur” ertinya Majlis yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [*Akta 688*];

“Wilayah Ekonomi Pantai Timur” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008.

Permohonan bagi insentif

3. Orang yang layak boleh memohon insentif di bawah Kaedah-Kaedah ini dengan syarat—

- (a) suatu permohonan secara bertulis dibuat kepada Menteri melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur bagi kelulusan Menteri untuk tertakluk kepada kadar cukai sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 1 Bahagian XIV Jadual 1 kepada Akta; dan
- (b) permohonan itu diterima oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur pada atau selepas 1 Januari 2022 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2024.

Orang yang layak

4. Orang yang layak di bawah Kaedah-Kaedah ini ialah seorang individu—

- (a) yang merupakan seorang warganegara Malaysia atau warganegara asing;
- (b) yang merupakan pekerja berpengetahuan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 6;
- (c) yang tidak pernah memperoleh apa-apa pendapatan berkenaan dengan penggajian dengan suatu syarikat yang ditetapkan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur untuk sekurang-kurangnya dua tahun atau suatu tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri sebelum tarikh permohonan yang disebut dalam kaedah 3;
- (d) yang digaji dalam suatu aktiviti yang layak oleh suatu syarikat yang ditetapkan;
- (e) yang penggajiannya bermula pada atau selepas 1 Januari 2022 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2024; dan
- (f) yang tinggal dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Syarikat yang ditetapkan

5. (1) Syarikat yang ditetapkan yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini ialah suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];
- (b) bermastautin di Malaysia;
- (c) menjalankan suatu aktiviti yang layak dalam Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan; dan
- (d) memenuhi apa-apa syarat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, “Taman Perindustrian Malaysia-China Kuantan” ertinya suatu kawasan yang ditetapkan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Pekerja berpengetahuan

6. (1) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, pekerja berpengetahuan ialah seseorang yang telah memenuhi apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan—

- (a) yang memegang ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana dalam mana-mana bidang profesional daripada suatu universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh tahun pengalaman bekerja dalam bidang profesional yang berkaitan;
- (b) yang memegang ijazah kedoktoran falsafah dalam mana-mana bidang berkaitan daripada suatu universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan; atau

- (c) yang memegang sijil profesional dalam mana-mana bidang teknikal daripada suatu institusi atau universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan mempunyai sekurang-kurangnya lima belas tahun pengalaman bekerja dalam bidang teknikal yang berkaitan.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), Menteri boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan mana-mana orang yang layak daripada syarat yang disebut dalam subkaedah (1).

Pendapatan yang boleh dikenakan cukai

7. (1) Jika orang yang layak yang bermastautin di Malaysia itu mempunyai pendapatan berkenaan dengan penggajian dengan suatu syarikat yang ditetapkan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi orang yang layak itu yang tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XIV Jadual 1 kepada Akta hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

- iaitu
- A ialah pendapatan berkanun daripada penggajian dengan syarikat yang ditetapkan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu;
 - B ialah pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu;
 - C ialah pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang tertakluk kepada cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1 Bahagian I dan Bahagian XIV Jadual 1 kepada Akta.

(2) Jika orang yang layak yang tidak bermastautin di Malaysia mempunyai pendapatan berkenaan dengan penggajian dengan suatu syarikat yang ditetapkan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi orang yang layak itu yang tertakluk kepada cukai di bawah Bahagian XIV Jadual 1 kepada Akta hendaklah ditentukan mengikut formula yang berikut:

$$\frac{A}{B} \times C$$

iaitu A ialah pendapatan berkanun daripada penggajian dengan syarikat yang ditetapkan dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu;

B ialah pendapatan agregat dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu;

C ialah pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu yang tertakluk kepada cukai sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 1A Bahagian I dan Bahagian XIV Jadual 1 kepada Akta.

(3) Dalam hal taksiran bersama di bawah subseksyen 45(2) Akta, pendapatan agregat yang disebut dalam subkaedah (1) atau (2) hendaklah termasuk pendapatan daripada isteri atau suami, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Jika pendapatan yang boleh dikenakan cukai daripada penggajian orang yang layak itu telah ditentukan di bawah subkaedah (1) atau (2), apa-apa lebihan daripada pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi orang yang layak itu yang tertakluk kepada cukai hendaklah dikenakan cukai pendapatan bagi suatu tahun taksiran pada kadar yang sepatutnya terpakai bagi pendapatannya yang boleh dikenakan cukai jika orang itu tidak diluluskan sebagai orang yang layak di bawah Kaedah-Kaedah ini menurut—

- (a) perenggan 1 Bahagian I Jadual 1 kepada Akta berhubung dengan orang yang layak yang bermastautin di Malaysia; atau
- (b) perenggan 1A Bahagian I Jadual 1 kepada Akta berhubung dengan orang yang layak yang tidak bermastautin di Malaysia.

Dibuat 23 Oktober 2023

[MOF.TAX(S)700-2/1/234/1; LHDN.AY.A.600-12/1(29)-192; PN(PU2)80/JLD.110]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (DETERMINATION OF KNOWLEDGE WORKER AND QUALIFYING
ACTIVITY IN THE EAST COAST ECONOMIC REGION) RULES 2023

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(f) read together with paragraph 2 of Part XIV of Schedule 1 to the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Determination of Knowledge Worker and Qualifying Activity in the East Coast Economic Region) Rules 2023**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2022.

Interpretation

2. In these Rules—

“qualifying activity” means any business activity carried out within the Malaysia-China Kuantan Industrial Park;

“East Coast Economic Region Development Council” means the Council established under the East Coast Economic Region Development Council Act 2008 [*Act 688*];

“East Coast Economic Region” has the same meaning assigned to it in the East Coast Economic Region Development Council Act 2008.

Application for incentive

3. A qualifying person may apply for an incentive under these Rules provided that—

- (a)* an application in writing is made to the Minister through the East Coast Economic Region Development Council for the approval of the Minister to be subject to tax rate as provided under paragraph 1 of Part XIV of Schedule 1 to the Act; and
- (b)* the application is received by the East Coast Economic Region Development Council on or after 1 January 2022 but not later than 31 December 2024.

Qualifying person

4. A qualifying person under these Rules is an individual—

- (a)* who is a Malaysian citizen or foreign national;
- (b)* who is a knowledge worker as provided under rule 6;
- (c)* who has not derived any income in respect of employment with a designated company in the East Coast Economic Region for at least two years or other period as determined by the Minister prior to the date of application referred to in rule 3;
- (d)* who is employed in a qualifying activity by a designated company;
- (e)* whose employment commences on or after 1 January 2022 but not later than 31 December 2024; and
- (f)* who is residing within the East Coast Economic Region.

Designated company

5. (1) The designated company referred to in these Rules is a company—
- (a)* incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*];
 - (b)* resident in Malaysia;

(c) undertakes a qualifying activity in the Malaysia-China Kuantan Industrial Park; and

(d) fulfills any other conditions as determined by the Minister.

(2) For the purposes of these Rules, “Malaysia-China Kuantan Industrial Park” means a designated area within the East Coast Economic Region as determined by the East Coast Economic Region Development Council.

Knowledge worker

6. (1) For the purposes of these Rules, a knowledge worker is a person who has fulfilled any condition as determined by the Minister and—

(a) holds a degree or master’s degree in any professional field from a university recognized by the Government of Malaysia and has at least ten years of working experience in the relevant professional field;

(b) holds a doctor of philosophy degree in any related field from a university recognized by the Government of Malaysia and has at least five years of working experience in the relevant field; or

(c) holds a professional certificate in any technical field from an institution or university recognized by the Government of Malaysia and has at least fifteen years working experience in the relevant technical field.

(2) Notwithstanding subrule (1), the Minister may, at his discretion, exempt any qualifying person from the condition referred to in subrule (1).

Chargeable income

7. (1) Where the qualifying person who is resident in Malaysia has income in respect of an employment with a designated company in a basis period for a year of assessment, the chargeable income of that qualifying person which is subject to tax under Part XIV of Schedule 1 to the Act shall be ascertained in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

where A is the statutory income from employment with the designated company in the basis period for that year of assessment;

B is the aggregate income in the basis period for that year of assessment;

C is the chargeable income in the basis period for that year of assessment which is subject to tax as specified in paragraph 1 of Part I and Part XIV of Schedule 1 to the Act.

(2) Where a qualifying person who is not resident in Malaysia has income in respect of an employment with a designated company in a basis period for a year of assessment, the chargeable income of that qualifying person which is subject to tax under Part XIV of Schedule 1 to the Act shall be ascertained in accordance with the following formula:

$$\frac{A}{B} \times C$$

- where
- A is the statutory income from employment with the designated company in the basis period for that year of assessment;
 - B is the aggregate income in the basis period for that year of assessment;
 - C is the chargeable income in the basis period for that year of assessment which is subject to tax as specified in paragraph 1A of Part I and Part XIV of Schedule 1 to the Act.

(3) In a case of a combined assessment under subsection 45(2) of the Act, the aggregate income referred to in subrule (1) or (2) shall include the income from the wife or husband, as the case may be.

(4) Where chargeable income from employment of the qualifying person has been determined under subrule (1) or (2), any excess of the chargeable income of that qualifying person which is subject to tax shall be charged to income tax for a year of assessment at the rate that would have been applicable for his chargeable income if the person had not been approved as a qualifying person under these Rules pursuant to—

- (a) paragraph 1 of Part I of Schedule 1 to the Act in relation to a qualifying person who is a resident in Malaysia; or
- (b) paragraph 1A of Part I of Schedule 1 to the Act in relation to a qualifying person who is not resident in Malaysia.

Made 23 October 2023

[MOF.TAX(S)700-2/1/234/1; LHDN.AY.A.600-12/1(29)-192; PN(PU2)80/JLD.110]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]